



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 25/2022

"ALERT": Seramai 400 orang peserta daripada pelbagai kementerian hadir sempena Syarahan Perdana Budaya anjuran JKKN.

SYARAHAN PERDANA BUDAYA: DATUK SERI PROF. DR. AWANG SARIYAN

PUTRAJAYA, 10 November 2022 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) mengadakan Syarahan Perdana Budaya pada 10 Disember 2022 (Khamis) bermula pukul 9.30 pagi bertempat di Dewan Sanggar Pujangga, MOTAC Putrajaya. Syarahan akan disampaikan oleh YBhg. Datuk Seri Prof. Dr. Awang Sariyan, Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan tajuk Satu Tinjauan Sudut Pandang Amalan Budaya Tinggi: Akhlak dan Adab Masyarakat Majmuk di Malaysia.

Program keilmuan berbentuk syarahan ini adalah kesinambungan dari program syarahan yang pernah diadakan sekitar tahun 1980-an dengan tajuk 'Syarahan Tun Sri Lanang' anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Program ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan pendidikan tentang kepentingan budaya tinggi dan kesenian kepada khalayak berasaskan pemahaman agama, memberi peluang kepada pemimpin untuk berkongsi pengalaman dan ilmu tentang seni budaya dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama serta memahami konsep amalan budaya tinggi serta pembangunan modal insan.

"JKKN sentiasa berusaha melahirkan masyarakat yang peka dengan nilai-nilai murni serta dapat mengamalkan cara hidup yang harmoni dan sejahtera selain melahirkan pentadbir seni yang mahir dan faham tentang pembangunan modal insan melalui seni

dan budaya". Kata Ketua Pengarah JKKN, YBrs. Tuan Haji Mesran Mohd Yusop dalam ucapannya.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari laman sesawang JKKN iaitu www.jkkn.gov.my ataupun boleh layari *facebook* JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya
Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	--